

Headline **Gorila punca jangkitan HIV**  
Date **04 Aug 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Global**  
Journalist **none**  
Frequency **Daily**  
ADValue **248**

Language **Malay**  
Page No **L-22**  
Article Size **62 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
PRValue **744**



## Gorila punca jangkitan HIV

LONDON - Saintis buat pertama kali mengesan gorila sebagai punca yang menyebabkan penularan jangkitan HIV.

Kajian sebelum ini menunjukkan virus HIV yang mencatatkan 33 juta kes seluruh dunia adalah berasal daripada sejenis virus yang ditemui di dalam cimpanzi.

Namun kajian terbaru terhadap jangkitan HIV ke atas seorang wanita warga Cameroon mendapati virus berkenaan mempunyai kaitan langsung dengan gorila, lapor Nature Medicine.

HIV berasal dari virus sama yang terdapat dalam cimpanzi dipanggil Simian Immunodeficiency Virus (SIV).

Walaupun HIV/Aids mula dikesan saintis sekitar 1980-an, ia dipercayai menular dalam kalangan manusia seawal abad ke-20 di beberapa daerah dalam Republik Demokratik Congo.

Virus itu dipercayai menjangkiti manusia selepas berlaku sentuhan antara manusia dengan daging haiwan yang dijangkiti kuman tersebut.